



# DASAR NEGARA BAGI AMALAN BAIK PERATURAN

## NPGRP

Peraturan Berkualiti Meningkatkan Produktiviti


Julai 2021





# **DASAR NEGARA BAGI AMALAN BAIK PERATURAN (NPGRP)**

e ISBN 978-967-2941-11-8



9 7 8 9 6 7 2 9 4 1 1 1 8

**Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)**  
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan, 46904 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Tel: 603-7955 7266 | Email: [regulatoryreview@mpc.gov.my](mailto:regulatoryreview@mpc.gov.my)

Sekiranya terdapat pencanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu di dalam kandungan dokumen NPGRP, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai.

## Prakata



Kerajaan Malaysia komited dalam menginstitusikan pembaharuan peraturan sebagai salah satu tonggak penting untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Peraturan mempengaruhi hampir setiap aspek dalam kehidupan sehari-hari kita. Peraturan yang efektif dan efisien dapat menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan perkembangan ekonomi yang seterusnya akan membawa kepada kualiti hidup yang lebih baik.

Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR) yang diperkenalkan pada tahun 2013, telah mendorong kepada produktiviti, ekonomi dan daya saing negara, serta dapat menerapkan pendekatan Amalan Baik Peraturan (GRP) di kalangan Pengawal Selia.

Dalam memastikan ekosistem peraturan yang kondusif, usaha berpanjangan diperlukan bagi mempromosikan Malaysia sebagai hub perniagaan yang menarik. Memaksimakan kesejahteraan rakyat menjadi prinsip utama, namun begitu ekosistem peraturan harus juga peka dan responsif terhadap keperluan komuniti perniagaan.

Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) dapat memberi garis panduan yang lebih jelas bagi penerapan dan pelaksanaan GRP yang lebih meluas dan berkesan. Tambahan pula, peraturan-peraturan baharu dan sedia ada adalah mematuhi prinsip-prinsip GRP dan intervensi Kerajaan dalam ekonomi.

Inventori peraturan yang menyeluruh dapat mengemudi pertumbuhan ekonomi dan peraturan baharu dikemaskini dari semasa ke semasa. Ekonomi semestinya menerima kesan yang baik daripada pembaharuan dan penambahbaikan peraturan berkala dan secara langsung dapat memastikan peraturan tersebut relevan dalam mewujudkan suasana perniagaan yang lebih mampan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Zuki". It is written in a fluid, cursive style with a long horizontal stroke at the bottom.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali  
Ketua Setiausaha Negara

## Penghargaan

Penyediaan dokumen Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) ini adalah hasil rundingan menyeluruh yang dilaksanakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Dokumen ini juga dibangunkan berdasarkan pengalaman dan pelaksanaan Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR). Setinggi penghargaan dirakamkan kepada Ketua Pengarah MPC di atas kepimpinan dan tunjuk ajar beliau dalam penulisan dokumen ini.

Setinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Jabatan Peguam Negara Malaysia atas sokongan padu, Penyelaras Peraturan di pelbagai Kementerian, Jabatan, serta Agensi, yang memberi input dan maklumbalas ketika fasa rundingan. Rakaman terima kasih juga kepada wakil-wakil sektor swasta dan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Rujukan kepada OECD *Guiding Principles for Regulatory Quality and Performance*, *OECD Recommendation of the Council on Regulatory Policy and Governance*, dan *Australian Government Guide to Regulation* telah dibuat dalam penyediaan dokumen ini.

# KANDUNGAN

<b>AKRONIM</b>	1
<b>SEKSYEN 1 Pengenalan</b>	2
<b>SEKSYEN 2 Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP)</b>	4
2.1 Objektif Dasar	
2.2 Skop	
2.3 Prinsip Amalan Baik Peraturan	
2.4 Pelaksanaan	
2.4.1 Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN)	
2.4.2 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	
2.4.3 Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)	
2.4.4 Pengawal Selia	
2.4.5 Pihak Berkepentingan	
2.4.6 Jabatan Peguam Negara (AGC)	
2.5 Semakan Berkala NPGRP	
<b>SEKSYEN 3 Sistem Pengurusan Proses Peraturan (RPMS)</b>	7
3.1 Pemakaian	
3.2 Takrifan Peraturan	
3.3 Syarat-syarat	
3.3.1 Tanggungjawab Am	
3.4 Proses Peraturan	

### 3.5 Analisis Impak Peraturan (RIA)

- 3.5.1 Penyataan Masalah
  - 3.5.2 Objektif
  - 3.5.3 Opsyen
  - 3.5.4 Analisis Impak
  - 3.5.5 Konsultasi
  - 3.5.6 Kesimpulan dan Syor
  - 3.5.7 Strategi Pelaksanaan
- 3.6 *Behavioural Insights (BI)*
- 3.7 Penilaian ke atas Peraturan Sedia Ada (Ex-post)
- 3.8 Tanggungjawab, Piawaian, dan Amalan  
Antarabangsa
- 3.9 Analisis Risiko
- 3.10 Kos Pematuhan Perniagaan
- 3.11 Pertimbangan Terhadap Persaingan
- 3.12 Penilaian Pasca Pelaksanaan
- 3.13 Penerbitan RIS
- 3.14 Rekod dan Dokumentasi
- 3.15 Komunikasi
- 3.16 Kompetensi

### Lampiran

Lampiran 1 : Terma Rujukan Penyelaras Peraturan	12
Lampiran 2 : Proses Penilaian Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN)	14
Lampiran 3 : Proses Penilaian Awal dan Akhir RIS	15

## Akronim

<b>AGC</b>	<i>Attorney General Chambers</i>	Jabatan Peguam Negara
<b>BI</b>	<i>Behavioural Insights</i>	Behavioural Insights
<b>DRN</b>	<i>Digital Regulatory Notification</i>	Notifikasi Peraturan secara Digital
<b>GRP</b>	<i>Good Regulatory Practice</i>	Amalan Baik Peraturan
<b>INTAN</b>	<i>National Institute of Public Administration</i>	Institut Tadbiran Awam Negara
<b>MPC</b>	<i>Malaysia Productivity Corporation</i>	Perbadanan Produktiviti Malaysia
<b>MyCC</b>	<i>Malaysia Competition Commission</i>	Suruhanjaya Persaingan Malaysia
<b>NDPC</b>	<i>National Development Planning Committee</i>	Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara
<b>NPDIR</b>	<i>National Policy on the Development and Implementation of Regulations</i>	Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan
<b>NPGRP</b>	<i>National Policy on Good Regulatory Practice</i>	Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan
<b>OECD</b>	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
<b>PIR</b>	<i>Post Implementation Review</i>	Penilaian Pasca Pelaksanaan
<b>RC</b>	<i>Regulatory Coordinator</i>	Penyelaras Peraturan
<b>RIA</b>	<i>Regulatory Impact Analysis</i>	Analisis Impak Peraturan
<b>RIS</b>	<i>Regulatory Impact Statement</i>	Penyata Impak Peraturan
<b>RPMS</b>	<i>Regulatory Process Management System</i>	Sistem Pengurusan Proses Peraturan
<b>RURB</b>	<i>Reducing Unnecessary Regulatory Burdens</i>	Mengurangkan Beban Kawal Selia yang Tidak Wajar
<b>SCM</b>	<i>Standard Cost Model</i>	

## SEKSYEN 1 // Pengenalan

### "Peraturan Berkualiti Meningkatkan Produktiviti"

Pelancaran Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR) pada tahun 2013 merupakan satu pencapaian penting dalam perkembangan pembaharuan peraturan di Malaysia. Tujuan utama NPDIR adalah bagi meningkatkan kualiti peraturan dan menghapuskan atau meminimumkan kesan peraturan yang kurang berkesan terhadap ekonomi dan operasi perniagaan. NPDIR menggariskan proses penggubalan peraturan berkualiti dan menekankan aplikasi Analisis Impak Peraturan (RIA) dalam membuat keputusan untuk membangunkan sesuatu peraturan.

Malaysia perlu mengekalkan ekonomi yang dinamik dan menyusun semula strategi transformasi ke arah sasaran negara maju, berpandukan prinsip tadbir urus yang baik secara berkesan dan efisien. Campur tangan Kerajaan dalam aspek ekonomi adalah perlu, namun begitu ia hendaklah dilaksanakan secara bijak agar tidak memberi kesan buruk kepada ekonomi yang dinamik.

Peraturan yang membebankan dan tidak berkesan hendaklah dihindari dan peraturan sedia ada memerlukan semakan berkala untuk memastikan ia tetap relevan dan berkesan dalam suasana ekonomi global yang semakin berdaya saing. Perubahan teknologi yang pantas memberi impak yang besar terhadap perniagaan. Model perniagaan tradisional yang dipengaruhi oleh peraturan dan undang-undang sedia ada menghadapi persaingan daripada model perniagaan baharu yang memanfaatkan penggunaan teknologi. Peraturan dan undang-undang harus diselaraskan dengan keadaan pasaran semasa agar tidak memberi kesan buruk terhadap persaingan perniagaan.

Adalah penting bagi Pengawal Selia untuk mamahami kesan peraturan terhadap perniagaan. Pendekatan pembaharuan peraturan yang lebih komprehensif diperlukan untuk memberi pendekatan yang seimbang di antara mempromosikan semangat keusahawanan, mendorong transformasi yang teratur dan melindungi kesejahteraan masyarakat. Untuk mencapai tujuan ini, perubahan hendaklah menjurus kepada kualiti peraturan baharu dan sedia ada. Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) yang digubal berdasarkan amalan baik di peringkat antarabangsa diperkenalkan untuk tujuan ini.

Peraturan negara adalah pemangkin yang penting dalam membangunkan ekonomi yang progresif, terangkum, dan dinamik. Untuk mencapai tujuan ini, serta berdasarkan pelaksanaan dan kemajuan yang dicapai di bawah NPDIR, NPGRP adalah berteraskan prinsip-prinsip berikut dalam penggubalan peraturan:

1. Campur tangan Kerajaan adalah perlu dan wajar;
2. Akauntabiliti;
3. Ketelusan, kebolehcapaian dan rundingan dengan pihak berkepentingan yang berkesan;
4. Faedah melebihi kos; dan
5. Berkadaran.

Kerajaan mewajibkan Agensi-agensi Pengawal Selia untuk menerapkan dan melaksanakan amalan baik peraturan dengan:

- i) Menerapkan kaedah NPGRP dan prinsip asas Amalan Baik Peraturan;
- ii) Memastikan kesediaan dan keupayaan untuk memikul tanggungjawab dalam mewujudkan persekitaran peraturan yang berkualiti tinggi; dan
- iii) Mewujudkan sistem dan prosedur untuk memastikan peraturan yang berkualiti.

## SEKSYEN 2 // Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP)

### 2.1 Objektif Dasar .....

Objektif NPGRP adalah untuk mewujudkan sistem peraturan yang berkesan, cekap dan bertanggungjawab serta proses penggubalan peraturan yang menyokong usaha merealisasikan matlamat pembangunan ekonomi negara.

### 2.2 Skop .....

NPGRP digunakan untuk semua peraturan yang memberi kesan terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar. Penyata Impak Peraturan (RIS) tidak merangkumi:

- Peraturan yang dilaksanakan atas sebab keselamatan dan kedaulatan negara;
- Peraturan yang berkaitan dengan undang-undang jenayah, seperti Kanun Keseksyen; dan
- Pekeliling pentadbiran yang bertujuan untuk pentadbiran awam.

NPGRP tidak digunakan dalam penyediaan dokumen dasar (pelan dan rangka kerja) yang menyasarkan matlamat, objektif, dan strategi yang umum. Selain daripada peraturan-peraturan yang disenaraikan di atas, RIS perlu disediakan dan NPGRP mempunyai garis panduan yang boleh membantu di peringkat pembentukan dasar.

Di samping itu, Pengawal Selia boleh terus melaksanakan peraturan tanpa RIS dalam situasi-situasi yang mendesak yang memerlukan tindakan segera. Dalam kes seperti ini, MPC hendaklah dimaklumkan oleh Pengawal Selia dengan justifikasi untuk melaksanakan keputusan tersebut. Namun begitu, penilaian pasca pelaksanaan adalah diperlukan untuk semua peraturan tersebut.

### 2.3 Prinsip Amalan Baik Peraturan .....

#### 1. Campur tangan kerajaan adalah perlu dan wajar

Campur tangan kerajaan dalam ekonomi hendaklah berdasarkan bukti yang jelas bahawa tindakan tersebut adalah perlu dan wajar. Pelaksanaan peraturan tidak seharusnya menjadi pilihan secara automatik kerana pilihan selain daripada peraturan hendaklah dipertimbangkan terlebih dahulu. Pengawal Selia harus mengelakkan daripada mengenakan beban peraturan yang tidak wajar yang boleh memberi kesan buruk kepada ekonomi.

#### 2. Akauntabiliti

Pengawal Selia mesti bertanggungjawab ke atas keputusan yang diambil dan seharusnya keputusan tersebut dapat dipertahankan apabila dipersoalkan oleh orang awam. Pengawal Selia juga harus memastikan tindakan pengawalseliaan adalah berdasarkan peruntukan undang-undang dan penyelarasannya antara agensi-agensi yang terlibat telah dilakukan untuk mengelakkan sebarang percanggahan dalam polisi antara agensi.

### **3. Ketelusan, kebolehcapaian dan rundingan dengan pihak berkepentingan yang berkesan**

Ketelusan sangat penting dalam proses membentuk kepercayaan terhadap proses pengawalseliaan. Pengawal Selia hendaklah mendedahkan maklumat mengenai proses peraturan, isu, keputusan dan dasar mereka kecuali jika terdapat alasan untuk tidak berbuat sedemikian. Pengawal Selia hendaklah memastikan bahawa pihak-pihak yang terkesan sama ada secara langsung atau tidak langsung, dimaklumi dan pendapat mereka diambilkira dan dipertimbangkan. Pihak-pihak yang terlibat hendaklah mempunyai akses kepada peraturan yang memberi kesan kepada mereka.

### **4. Faedah melebihi kos**

Penilaian ex-ante terhadap kos, faedah, dan risiko adalah komponen penting dalam analisis peraturan. Kos dan manfaat kepada semua yang terlibat hendaklah diambilkira melalui analisis berdasarkan data kuantitatif dan kualitatif, apabila perlu. Peraturan dilaksanakan hanya apabila faedah dan manfaatnya adalah jelas membawa kebaikan kepada masyarakat secara amnya dan mengurangkan kesan negatif kepada komuniti.

### **5. Berkadaran**

Konsep berkadaran memastikan bahawa tindakan Pengawal Selia tidak melampaui batas-batas yang sepatutnya dan aplikasinya tidak keterlaluan sehingga tidak mencapai matlamat asal iaitu bagi menyelesaikan masalah. Keputusan kerajaan untuk mengawal selia haruslah berpandukan kepada skop permasalahan, kesan dan tahap risiko yang dikenalpasti. Konsep perkadaran adalah digunakan dalam analisis penggubalan dan pelaksanaan peraturan di mana menekankan penilaian risiko dan penentuan pendekatan pengurusan yang bersesuaian.

## **2.4 Pelaksanaan**

### **2.4.1 Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN)**

Untuk tujuan pemantauan, MPC akan membuat penilaian terhadap keberkesanan pelaksanaan sesuatu dan melaporkan kepada JPPN.

### **2.4.2 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)**

MPC akan bertanggungjawab untuk menggalakkan dan menyokong pelaksanaan NPGRP yang meliputi program jangkauan dan promosi serta memberikan nasihat dan latihan untuk membantu Pengawal Selia mematuhi dasar negara ini. Dalam melaksanakan fungsi ini, MPC akan:

- i) Membangunkan garis panduan dan program untuk pelaksanaan dasar negara;
- ii) Meneliti Penyata Impak Peraturan (RIS) dan memberi cadangan yang bersesuaian;
- iii) Memberi panduan dan bantuan kepada Pengawal Selia mengenai RIA dan penyediaan RIS;
- iv) Melaksanakan semakan berkala terhadap kemajuan yang telah dicapai dan mengemukakan laporan kepada pihak Kerajaan; dan
- v) Menggalakkan ketelusan dalam RIS.

### **2.4.3 Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) .....**

INTAN sebagai institusi latihan sektor awam utama negara akan membantu memberikan latihan mengenai NPGRP.

### **2.4.4 Pengawal Selia .....**

Pengawal Selia terdiri daripada badan-badan kerajaan seperti Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Suruhanjaya Pengawalseliaan, dan lain-lain pihak yang bertanggung jawab untuk membangunkan, memelihara, dan menguatkuasakan program peraturan. Pengawal Selia harus mematuhi NPGRP dan mematuhi kehendak Sistem Pengurusan Proses Peraturan (RPMS).

Pengawal selia bertanggungjawab melantik Penyelaras Peraturan untuk memudahkan pelaksanaan GRP di agensi masing-masing.

### **2.4.5 Pihak Berkepentingan .....**

Pihak kepentingan terdiri daripada anggota masyarakat yang menerima kesan secara langsung atau tidak langsung, atau mempunyai kepentingan dalam penggubalan peraturan baharu yang diusulkan atau semakan terhadap peraturan yang sedia ada. Pihak-pihak ini merangkumi kumpulan-kumpulan seperti entiti perniagaan, para pekerja, kumpulan hak asasi pengguna, kumpulan berkepentingan khusus, organisasi profesional dan individu.

### **2.4.6 Jabatan Peguam Negara (AGC) .....**

Dalam konteks NPGRP, Jabatan Peguam Negara bertanggungjawab untuk menasihati Kabinet atau mana-mana Menteri tentang hal-hal perundangan, dan untuk melaksanakan tugas-tugas lain yang melibatkan elemen perundangan, yang dirujuk dari semasa ke semasa ataupun diarahkan oleh Kabinet, dan untuk melaksanakan tanggungjawab berdasarkan perlembagaan atau undang-undang lain yang termaktub.

## **2.5 Semakan Berkala NPGRP .....**

MPC akan memulakan dan melaksanakan semakan terhadap NPGRP selepas 5 tahun pelaksanaannya atau lebih awal jika terdapat keperluan. Semakan semula dasar hendaklah dilaksanakan dengan penglibatan aktif daripada pihak-pihak yang berkepentingan. Semakan ini akan mengambil kira antara lain, faktor-faktor antaranya pencapaian, kekangan, perubahan kepada keutamaan negara dan persekitaran perniagaan antarabangsa serta kesan daripada dasar-dasar negara lain yang berkaitan dengan NPGRP.

## SEKSYEN 3 // Sistem Pengurusan Proses Peraturan (RPMS)

### 3.1 Pemakaian .....

Semua Pengawal Selia Kerajaan Persekutuan hendaklah melaksanakan RPMS untuk peraturan yang berkaitan dengan ekonomi, sosial dan alam sekitar. RPMS tidak digunakan dalam hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan dan kedaulatan negara. Selain itu, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan juga digalakkan untuk melaksanakan RPMS.

### 3.2 Takrifan Peraturan .....

Peraturan merangkumi langkah-langkah yang terpakai oleh Pengawal Selia di pelbagai peringkat di mana pematuhananya adalah mandatori. Ini termasuk langkah yang diambil sebagai perundangan utama (Akta Parlimen, Enakmen dan Ordinan) dan perundangan subsidiari (Peraturan, Piawaian, Kaedah, Undang-undang Kecil dan Perintah) dan Garis Panduan.

Peraturan digunakan oleh Kerajaan sebagai instrumen, dengan kombinasi instrumen lain, untuk mencapai objektif dasar awam. Peraturan menetapkan prinsip, undang-undang, dan syarat dalam mentadbir perilaku rakyat, perniagaan, dan organisasi dalam mencapai objektif dasar awam.

### 3.3 Syarat-syarat .....

#### 3.3.1 Tanggungjawab Am .....

Dalam menerapkan dan memenuhi keperluan RPMS seperti yang ditetapkan dalam bahagian ini, Pengawal Selia Kerajaan Persekutuan harus proaktif dan bekerjasama untuk mencapai dasar yang bersepadu melalui pendekatan keseluruhan kerajaan. Tanggungjawab Pengawal Selia merangkumi:

- i) Melantik Penyelaras Peraturan untuk mengetuai pelaksanaan NPGRP dan untuk berhubung dengan MPC (Terma Rujukan RC adalah seperti di Lampiran 1);
- ii) Memastikan bahawa penggubalan peraturan mematuhi keperluan-keperluan RPMS;
- iii) Memantau, menyemak semula dan menambahbaik sistem peraturan sedia ada; dan
- iv) Menyelenggara sistem dokumentasi pematuhan RPMS bagi setiap peraturan yang diperkenalkan atau dipinda.

### **3.4 Proses Peraturan .....**

Di bawah RPMS, penggubalan peraturan baharu atau semakan peraturan harus mematuhi prosedur yang dinyatakan di bawah :

- i) Penilaian Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN): Pengawal Selia hendaklah terlebih dahulu memaklumkan kepada MPC mengenai setiap cadangan untuk membuat atau meminda peraturan menggunakan DRN. (Rujuk Lampiran 2 - Proses Penilaian DRN);
- ii) Penilaian Awal: Sekiranya RIS diperlukan (Proses ini diterangkan di Lampiran 3 - Proses Penilaian Awal dan Akhir RIS), Pengawal Selia perlu menyediakan 4 elemen pertama yang merangkumi pernyataan masalah, objektif dan senarai opsyen dan kaedah yang dipilih untuk analisis impak. Nota Penilaian Awal akan diberikan setelah MPC meneliti 4 elemen tersebut; dan
- iii) Penilaian Akhir: Pengawal Selia menyediakan RIS yang merangkumi kesemua 7 elemen. Nota Penilaian Akhir akan diberikan setelah MPC meneliti 7 elemen RIS tersebut.

Panduan untuk melaksanakan RPMS dan penyediaan RIS boleh dirujuk kepada Buku Panduan GRP yang diterbitkan oleh MPC.

### **3.5 Analisis Impak Peraturan (RIA) .....**

Pengawal Selia yang mengusulkan peraturan baharu atau pindaan peraturan hendaklah menggunakan RIA. Tujuan RIA adalah untuk meningkatkan kualiti dasar melalui analisis cadangan peraturan yang mendalam dan teliti. RIA bertujuan untuk memberikan jaminan bahawa masalah dikenalpasti dan ditangani dengan tepat melalui langkah-langkah peraturan atau bukan peraturan untuk memastikan bahawa masalah yang timbul telah ditangani dengan polisi yang spesifik yang mengutamakan kepentingan awam.

RIA melibatkan elemen berikut:

#### **3.5.1 Penyataan Masalah .....**

Pengawal Selia hendaklah menerangkan dengan jelas permasalahan atau isu yang hendak ditangani, mengemukakan bukti-bukti bahawa terdapat masalah yang timbul, dan impak daripada masalah tersebut, serta justifikasi keperluan campur tangan kerajaan. Apabila melibatkan risiko awam, seperti kesihatan dan keselamatan awam, dan perlindungan alam sekitar, Pengawal Selia hendaklah memastikan bahawa risiko tersebut adalah signifikan yang memerlukan campur tangan kerajaan.

Proses ini digunakan terhadap peraturan-peraturan dan instrumen-instrumen perundangan yang dikeluarkan oleh Pengawal Selia.

### **3.5.2 Objektif .....**

Objektif perlu dikaji, dianalisis dan didokumentasikan secara jelas serta tepat untuk menerangkan cara menyelesaikan masalah yang dihadapi. Objektif yang dimaksudkan merujuk kepada keberhasilan, matlamat atau sasaran yang hendak dicapai.

### **3.5.3 Opsyen .....**

Opsi merujuk kepada pelbagai penyelesaian yang boleh dilaksanakan (peraturan, bukan peraturan, ataupun mekanisme alternatif lain yang berkaitan) yang mesti dikenalpasti untuk membolehkan pembuat keputusan mempunyai beberapa opsyen semasa membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

### **3.5.4 Analisis Impak .....**

Penilaian terhadap kemungkinan impak daripada opsyen-opsyen yang dinyatakan dalam 3.5.3 (kos, faedah dan, jika berkaitan tahap risiko) ke atas pengguna, perniagaan, kerajaan, dan masyarakat hendaklah dilaksanakan. Ia hendaklah menunjukkan bahawa manfaat adalah lebih besar dari kos-kos yang terabit and usaha-usaha akan dilakukan untuk mengurangkan kos.

Impak beban peraturan tambahan terhadap perniagaan kecil terutamanya hendaklah dipertimbangkan dan opsyen hendaklah berdasarkan impak beban yang paling minimal namun masih berkesan.

### **3.5.5 Konsultasi .....**

Pengawal Selia yang mengusulkan peraturan baharu atau pindaan hendaklah melaksanakan rundingan pada waktu yang tepat serta menyeluruh dengan pihak yang berkaitan. Pihak berkepentingan hendaklah diberi tempoh minimum 30 hari untuk memberikan maklum balas. Inisiatif rundingan harus sejajar dengan kepentingan kesan peraturan atau pindaan yang diusulkan serta perlu dimulakan dengan secepat mungkin. Rundingan juga perlu dilakukan dengan Pengawal Selia lain yang mempunyai kepentingan dalam perkara tersebut.

Seboleh-bolehnya, Pengawal Selia mesti menggunakan rundingan secara atas talian untuk meningkatkan ketelusan, keterangkuman dan kelancaran proses. Pengawal Selia hendaklah menerbitkan laporan rundingan dengan memberi ringkasan rundingan yang diadakan serta dapatannya.

### **3.5.6 Kesimpulan dan Syor .....**

RIS hendaklah memberi cadangan opsyen yang dipilih beserta justifikasi pemilihan. Saranan tersebut hendaklah menunjukkan bahawa opsyen yang dipilih akan memberi faedah yang besar kepada masyarakat, dengan mengambil kira impaknya terhadap semua pihak.

### **3.5.7 Strategi Pelaksanaan .....**

Strategi pelaksanaan harus mencakupi pelan komunikasi, penguatkuasaan, pemantauan dan penilaian. Pelan-pelan ini akan memastikan bahawa membuat keputusan dimaklumkan dengan terperinci akan pelaksanaan dan keperluan sumber.

### **3.6 Behavioural Insights (BI) .....**

*Behavioural Insights* (BI) berteraskan sains tingkah laku dan sains sosial, yang merangkumi proses membuat keputusan, psikologi, sains kognitif dan sains sosial dan telah diuji secara empirikal untuk mendalami bagaimana manusia sebenarnya membuat pilihan. Behavioural Insights digunakan oleh pengawal selia sebagai alat untuk menyokong pembangunan, penilaian dan pengubahsuaian pilihan dasar. Sebagai permulaan, adalah penting untuk memahami pendorong kepada tingkah laku yang hendak diubah, terutama apabila sesuatu peraturan atau polisi menyasarkan kepada individu. Ini akan membantu dalam mengenal pasti pilihan dasar yang sesuai.

### **3.7 Penilaian ke atas Peraturan Sedia Ada (Ex-post) .....**

Semua peraturan mesti disemak semula sekali pada setiap 5 tahun. Objektif semakan ini adalah untuk menentukan sama ada peraturan telah mencapai tujuannya atau sama ada peraturan tersebut masih relevan. Pengawal Selia boleh memohon bantuan MPC bagi melaksanakan semakan tersebut.

### **3.8 Tanggungjawab, Piawaian dan Amalan Antarabangsa .....**

Pengawal Selia hendaklah memastikan bahawa peraturan-peraturan dalam negara telah mengambil kira komitmen Malaysia terhadap konvensyen dan perjanjian antarabangsa. Langkah atau piawaian peraturan harus sesuai dan relevan dengan piawaian atau amalan antarabangsa atau yang diterimapakai di peringkat antarabangsa.

### **3.9 Penilaian Risiko .....**

Salah satu bahagian penting di dalam kaedah RIA ialah mengenalpasti asas dan tahap risiko yang terlibat, serta tindakan yang mungkin boleh dilakukan untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko tersebut. Risiko merujuk kepada kesan yang boleh membahayakan kesihatan, keselamatan, dan alam sekitar. Penilaian risiko juga digunapakai dalam inisiatif dasar ekonomi dan kewangan. Intervensi dasar yang lebih tepat dapat dikenalpasti dengan membuat perbandingan di antara risiko status semasa dengan risiko selepas campur tangan kerajaan.

### **3.10 Kos Pematuhan Perniagaan**

Kos pematuhan adalah kos yang ditanggung oleh perniagaan yang dikawalselia ketika mengambil tindakan untuk mematuhi keperluan peraturan seperti kos beban pantadbiran dan penguatkuasaan. Model Kos Piawai (SCM) merupakan satu rangka kerja yang digunakan secara meluas untuk mengukur kos pematuhan dan beban pentadbiran terhadap perniagaan. Kajian terhadap kos pematuhan perniagaan penting terutamanya apabila melaksanakan penilaian ke atas Peraturan Sedia Ada (Ex-post)

### **3.11 Pertimbangan Terhadap Persaingan**

Sekiranya cadangan peraturan mempunyai kemungkinan untuk mengekang persaingan yang sihat, RIA hendaklah menunjukkan bahawa faedah kekangan terhadap persaingan adalah melebihi kos dan bahawa tidak terdapat pilihan lain untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Pengawal Selia hendaklah melibatkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) untuk mendalami kesan peraturan yang diusulkan terhadap persaingan.

### **3.12 Penilaian Pasca Pelaksanaan (PIR)**

Penilaian Pasca Pelaksanaan hendaklah dilaksanakan apabila sesuatu peraturan diperkenalkan atau dipinda dengan ketara atau dimansuhkan tanpa RIS. PIR hendaklah diselesaikan dalam jangkamasa 2 tahun daripada tarikh pelaksanaan peraturan.

### **3.13 Penerbitan Penyata Impak Peraturan (RIS)**

RIS hendaklah diterbitkan di portal GRP seawal mungkin bermula dari tarikh pengumuman rasmi keputusan untuk meneruskan dengan pembangunan peraturan baharu atau pindaan peraturan sedia ada. Pengawal Selia hendaklah merujuk kepada MPC sebelum menerbitkan RIS.

### **3.14 Rekod dan Dokumentasi**

Pengawal Selia hendaklah merekodkan analisis peraturan dan proses-proses yang terbabit. Dokumentasi hendaklah mencakupi, namun tidak hanya terhad kepada penjelasan terhadap permasalahan, cadangan alternatif, risiko yang terlibat, justifikasi peraturan, kaedah rundingan, keberhasilan rundingan, analisis kos-faedah, dan kesimpulan serta saranan opsyen. Dokumentasi yang komprehensif hendaklah disimpan sebagai rujukan untuk proses semakan selepas 5 tahun.

**3.15 Komunikasi**

Pengawal Selia yang membangunkan peraturan baharu atau membuat pindaan peraturan hendaklah memaklumkan cadangan kepada pihak berkepentingan dengan bahasa yang ringkas, jelas, dan tepat, yang mana ia boleh difahami oleh orang awam dengan mudah. Peraturan baharu dan pindaan peraturan serta bahan-bahan rujukan yang akan digunakan hendaklah diterbitkan dan mudah diakses oleh pihak-pihak yang terlibat. RIS hendaklah meliputi pelan komunikasi yang akan dilaksanakan.

**3.16 Kompetensi**

Pengawal Selia hendaklah memastikan kakitangannya adalah kompeten untuk melaksanakan RPMS.

## **Terma Rujukan Penyelaras Peraturan**

### **1. Pengenalan**

Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) mewajibkan setiap Pengawal Selia untuk melantik seorang atau lebih Penyelaras Peraturan di kalangan pegawai kanan dan lantikan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada MPC.

Pengawal Selia bertanggungjawab untuk membangunkan dan mengekalkan Sistem Pengurusan Proses Peraturan (RPMS) seperti yang ditakrifkan di dalam NPGRP.

### **2. Tugas dan Peranan**

Penyelaras Peraturan bertindak sebagai individu utama bagi mewakili Kementerian atau Agensi dalam urusan berkaitan penggubalan dan penguatkuasaan peraturan. Penyelaras Peraturan merupakan individu yang bertanggungjawab dalam segala komunikasi dengan MPC.

Penyelaras Peraturan bertanggungjawab untuk:

i) Memudahcara pelaksanaan peraturan di Kementerian/Agensi dengan:

- Mengetuai usaha meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan sistem pengurusan peraturan yang berkualiti;
- Berkongsi dan menggalakkan amalan terbaik mengenai Analisis Impak Peraturan (RIA);
- Memastikan kordinasi yang baik dan menyeluruh antara semua Kementerian/Agensi;
- Mengenal pasti keperluan khidmat latihan dan khidmat nasihat, mendapatkan maklum balas perubahan peraturan dan mencadangkan tindakan susulan; dan
- Menyebarluaskan panduan dan maklumat kepada pegawai di Kementerian/Agensi mengenai perkara yang berkaitan dengan NPGRP.

ii) Pemantauan dan tadbir urus dengan cara:

- Memaklumkan kepada MPC berkenaan cadangan untuk membangun atau meminda peraturan;
- Memastikan kualiti RIA dan Penyata Impak Peraturan (RIS) yang dihasilkan adalah berkualiti;
- Mengenalpasti penambahbaikan yang perlu pada RPMS dan melaporkan kepada pihak pengurusan atasan; dan
- Mewakili Kementerian/Agensi bagi cadangan berkaitan dengan penambahbaikan RPMS.

### **3. Mengemukakan laporan tahunan kepada MPC yang mengandungi:**

- Pelan peraturan tahunan yang mengandungi perancangan pindaan atau/dan pembangunan peraturan bagi tahun semasa;
- Laporan pencapaian dan pematuhan terhadap syarat pelaksanaan NPGRP; dan
- Senarai peraturan baharu dan pindaan peraturan yang dilaksanakan di tahun sebelumnya.

## Proses Penilaian Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN)

1. Pengawal Selia mengisi Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN)



2. Sistem akan mengeluarkan maklum balas notifikasi



RIA diperlukan

RIA tidak diperlukan

3(a). *Full RIA atau Light RIA*

3(b). Konsultasi awam

## Proses Penilaian Awal dan Akhir RIS<sup>1</sup>

1. Penilaian Awal: Pengawal Selia menghantar RIS yang mempunyai 4 elemen pertama (Penyataan masalah, objektif, opsyen, dan kaedah yang dipilih untuk analisis impak)



2. MPC menilai 4 elemen awal, kemudian menyediakan dan menghantar nota penilaian awal bersama surat iringan



3. Penilaian Akhir: Pengawal Selia menyediakan dan menghantar 7 elemen kepada MPC



4. MPC membuat penilaian terhadap 7 elemen tersebut kemudian menyediakan dan menghantar nota penilaian akhir beserta surat iringan

## **Nota**

## **Nota**





## **Memacu Produktiviti Negara**

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)  
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan,  
46904 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 603 - 7955 7266 | Fax: 603 - 7957 8068  
E-mail: regulatoryreview@mpc.gov.my